

25 SEP 1998

PM-EKONOMI/I

LEBIH BANYAK LANGKAH AKAN DIPERKENALKAN UNTUK MEMPERKUKUHKAN EKONOMI,  
KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Kerajaan akan melaksanakan lebih banyak langkah untuk meletakkan ekonomi negara pada kedudukan yang lebih kukuh walaupun tanda-tanda pemulihan telahpun kelihatan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Walaupun enggan menyatakan apakah langkah-langkah tersebut, Dr. Mahathir, yang merupakan Menteri Kewangan Pertama, berkata ekonomi semakin pulih dan perniagaan tidak lagi menghadapi tekanan.

"Eksport telah melebihi RM26 bilion dan kita telahpun berjaya mengurangkan import dan ini meletakkan kita pada kedudukan lebihimbangan pembayaran," tegas Perdana Menteri.

Menurut beliau, negara sekarang mempunyai rizab pertukaran asing yang mencukupi bagi membayar hutang luarnya.

"Keadaan sekarang stabil terutama dengan ringgit ditetapkan pada RM3.80 dan dengan penurunan kadar faedah," katanya pada pembukaan Pameran dan Persidangan Francais Malaysia.

Dr Mahathir, yang juga penaung Persatuan Francais Malaysia, berkata tiada lagi kegawatan ekonomi ataupun ketidak pastian di negara ini.

Dalam suasana sedemikian, beliau menyeru masyarakat perniagaan membuat perancangan perniagaan masing-masing.

Sambil berkata bahawa kegawatan kewangan telahpun berkurangan kepada tahap yang lebih mudah diurus, beliau mengaitkan kejayaan menangani kegawatan ekonomi kepada langkah-langkah kawalan modal yang diambil awal bulan ini.

"Mudah tunai dalam sistem perbankan telah meningkat dan sebahagian masalahnya telah diatasi berikutan kepulangan dana-dana ringgit dari luar negara," katanya.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia tidak memencilkan diri seperti mana yang disalah anggap oleh beberapa pihak memandangkan kawalam pertukaran matawang yang dilaksanakan pada 1 Sept, 1998, tetapi "kita menguruskan ekonomi bagi faedah kita".

"Kita tidak membenarkan orang lain menguruskan kita, ini akan membinasakan kita," katanya.

Dr Mahathir berkata langkah menetapkan nilai ringgit adalah untuk mengelakkan kemudahruapannya sekarang dan mengelakkan kegawatan kewangan.

Walaupun ringgit diniagakan pada RM2.50 bagi setiap dolar sebelum krisis matawang, "kita tidak boleh menetapkannya pada nilai yang sama seperti sebelumnya kerana jika kita berbuat demikian, kosnya tinggi dan kita tidak akan berupaya bersaing dengan matawang-matawang serantau yang lain," jelas beliau.

Katanya adalah bertepatan bagi Malaysia menetapkan nilai ringgit pada RM3.80 kerana "ia tidak begitu tinggi dan kita boleh bersaing dengan matawang-matawang serantau yang nilainya juga telah jatuh."

Yang paling penting, spekulator luar negara tidak boleh memperniagakan ringgit dan menyebabkan kemudahruapan matawang itu.

Dengan penetapan itu, kerajaan juga boleh menurunkan kadar faedah kepada 8.0 peratus serta membolehkan ahli-ahli perniagaan mendapatkan pinjaman dengan mudah.

Dr Mahathir menyatakan bahawa kadar inflasi juga tetap dan ini telah menyumbang ke arah kestabilan.

Perdana Menteri berkata pasaran saham juga telah pulih walaupun tidak sekukuh dahulu.

-- BERNAMA  
AA KY MA